

NOTA EDITOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera...

Buat para pembaca Majalah Santai, terima kasih atas sokongan anda semua. Tahun 2016 yang berlalu sangat mencabar. Namun menjelma 2017, keadaan semakin getir. Sana sini terdengar keluhan rakyat mengenai bebanan hidup yang semakin meningkat. Harga barangan semakin meningkat namun kami di sini masih mengekalkan harga jualan majalah yang sama. Kami berusaha keras untuk tidak membebankan para pembaca dan peminat setia kami. Berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul. Ada beberapa isu yang saya rasa menarik dan perlu dikupas. Pada 14 Jan lepas, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mengumumkan bahawa lima pejabat Tourism Malaysia di luar negara iaitu New York dan Los Angeles di Amerika Syarikat, Perth di Australia, Stockholm di Sweden dan Johannesburg di Afrika Selatan ditutup serta merta tahun ini. Ini berikutan pemberhentian perkhidmatan penerbangan Malaysia Airlines Bhd (MAB) ke kawasan berkenaan. Bagi saya mungkin ini tindakan yang betul kerana ekonomi Malaysia yang rapuh ditambah pula tidak ada penerbangan terus ke destinasi ini. Namun yang mengejutkan saya adalah pengumuman Pak Menteri mengenai penutupan pejabat Tourism Malaysia di 14 buah negeri di Malaysia selepas merasmikan Sambutan Tahun Baharu Cina dan Ulang Tahun Pertama Freeport A'Famosa Outlet baru-baru ini. Menurut Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, ini bertujuan bagi mengelakkan pertindihan tugas promosi pelancongan yang dilakukan setiap negeri dengan adanya exco pelancongan dan unit perancang ekonomi negeri (UPEN). Dengan adanya agensi promosi pelancongan di bawah kerajaan negeri yang berfungsi sama seperti pejabat Tourism MOTAC mampu menarik pelancong ke negeri masing-masing. Jelasnya, inisiatif kementerian yang dibuat hasil penelitian di setiap sudut itu juga akan menjimatkan kos kerajaan sebanyak RM6 juta setahun dan wang terbabit boleh digunakan kerajaan untuk perbelanjaan lain. Tambah beliau lagi setiap negeri mempunyai Exco Pelancongan dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) masing-masing, jadi kita tidak mahu tugas agensi itu dengan pihak berkuasa pelancongan negeri bertindih. Namun pendapat peribadi saya, penutupan pejabat-pejabat negeri ini tidak relevan. Sudah lama saya bekerjasama dengan pejabat-pejabat negeri dalam melakukan promosi dan acara selama ini. Mereka inilah yang bertungkus-lumus memastikan ketibaan pelancong domestik semakin meningkat. Mereka jugalah yang bersengkang mata menyelesaikan apa-apa masalah atau bencana yang terjadi kepada pihak pelancong. Saya juga rasa tidak ada pertindihan tugas di antara Exco Pelancongan Negeri, UPEN dan pihak Tourism Malaysia. Masing-masing saling bekerjasama dalam mempromosikan destinasi menarik di negeri sendiri. Namun menurut pihak kementerian, lima pusat informasi mengikut wilayah akan beroperasi. Pejabat berkenaan akan disediakan di Pulau Pinang bagi kawasan utara, Terengganu bagi kawasan timur, Johor bagi kawasan selatan serta di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu bagi Sabah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching bagi Sarawak. Apa yang saya boleh lakukan hanya berdoa dan berharap rakan-rakan di pejabat-pejabat negeri Tourism Malaysia tabah melalui cabaran ini....

Azli Khairi Abd Hamid

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit INTERMEDIA NETWORK. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Majalah Santai. Semua material penerbitan yang dikirimkan kepada INTERMEDIA NETWORK akan menjadi hak milik syarikat ini. Sidang Editor tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.



SANTAI TRAVEL
Menyokong Kempen :

cuti-cuti
1MALAYSIA

Dekat Je >

hoGOh
VISITPAHANG
MALAYSIA 2017



Visit Beautiful
Terengganu
Malaysia 2017

VISIT PERAK
MALAYSIA
2017
World of Wonders

amazing
THAILAND



Visit KL

QATAR
الهيئة العامة للسياحة
Tourism Authority

wonderful
Indonesia

Taiwan
THE HEART OF ASIA

SANTAI TRAVEL
Diterbitkan Oleh:

INTERMEDIA
NETWORK

INTERMEDIA NETWORK
Level 20 Menara Safuan,
Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Telefon : +603-20263346 Faks : +603-20263440
KDN : PP19083/08/2016(034564)

TS MEDIA NETWORK
NO.35 Jalan AU 2A/3,
54200 KUALA LUMPUR.

Dicetak oleh :
JETPRINT SDN BHD (713060-P)
NO.1 Jalan Balakong Jaya 3,
Kawasan Perindustrian Balakong Jaya
43300 Seri Kembangan, Selangor

TEAM SANTAI TRAVEL

PENERBIT/KETUA PENGARANG Azlie Halim | EDITOR Azli Khairi Abd Hamid | WARTAWAN Khairunnisa PELATIH - Innese Mokhtari | PEREKA GRAFIK Haizatul | FOTOGRAFI Dboy Studio - Dino Alhamd - Fits Shawal | PEMASARAN/PENGIKLANAN Dex Wong - Dr Mazlina Abu Bakar - Masliwati Abd Ghani | PENGURUSAN ACARA Fits Shawal |